

**DORONGAN GURU DAN RAKAN SEBAYA
TERHADAP MOTIVASI DAN PENGLIBATAN MURID
DI SEKOLAH RENDAH**

GO SEE YEE

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
syarat penganuerahan ijazah
Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan)

Sekolah Pendidikan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2021

DEDIKASI

Untuk ibu bapa saya dan keluarga tersayang

Terima kasih atas segala pengorbanan dan dorongan kepada saya.

Untuk penyelia saya, Dr. Zakiah Mohamad Ashari

Terima kasih atas bimbingan, nasihat, dorongan yang diberikan kepada saya.

Kejayaanku, kejayaan kalian juga.

PENGHARGAAN

Amat bersyukur kepada Tuhan kerana penulisan laporan projek ini akhirnya sampai ke penghujung. Adalah wajar mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada beberapa individu dan pihak tertentu yang telah memberi sumbangan sehingga terhasilnya laporan projek ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Dr Zakiah Mohamad Ashari yang tidak jemu memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya dari awal sehinggalah selesai kajian ini. Segala bimbingan dan dorongan beliau amat saya hargai. Tidak juga ucapan terima kasih kepada semua pensyarah UTM yang pernah mencerah bakti kepada saya.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM yang telah memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah, Guru Besar, guru-guru dan murid-murid yang telah banyak membantu saya sepanjang masa menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga penghargaan dituju kepada rakan seperjuangan yang telah bersama-sama mengharungi segala suka dan duka sepanjang proses pembelajaran ini.

Akhirnya saya merakamkan penghargaan yang tidak termilai kepada semua ahli keluarga saya atas kasih sayang, sokongan dan bantuan yang sentiasa diberikan sepanjang saya belajar dan menghasilkan laporan projek ini. Sekian terima kasih.

ABSTRAK

Menjelang abad ke-21, generasi baru perlu dilengkapi dengan kemahiran pembelajaran yang meliputi kemahiran komunikasi, kemahiran 3M iaitu kemahiran membaca, mengira dan menulis, kemahiran sains dan teknologi dan sebagainya. Dalam pembelajaran abad ke-21, guru bertindak sebagai fasilitator di dalam kelas supaya murid dapat belajar secara aktif dalam sesi pembelajaran. Walaubagaimanapun, guru pada masa kini menghadapi cabaran dalam meningkatkan motivasi dan penglibatan murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini demikian kerana perbezaan murid dari segi personaliti, pengetahuan, motivasi, latar belakang dan juga gaya pembelajaran telah menyebabkan kesukaran guru untuk memotivasi dan meningkatkan penglibatan murid dengan lebih berkesan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji dorongan guru dan rakan sebaya terhadap motivasi dan penglibatan murid di sekolah rendah. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk penyelidikan korelasi yang melibatkan 364 orang murid dari 21 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Kluang dan responden dipilih melalui kaedah persampelan rawak berstrata berkadar. Soal selidik dalam talian telah diedarkan untuk mendapatkan maklumat sampel. Data yang dikumpul dengan menggunakan perisian SPSS dan data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif manakala statistik inferensi dianalisis dengan menggunakan korelasi Pearson. Hasil kajian telah menunjukkan tahap dorongan guru dan rakan sebaya di sekolah rendah adalah sederhana manakala tahap motivasi dan penglibatan murid di sekolah rendah adalah tinggi. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat signifikan positif sederhana hubungan antara dorongan guru dan rakan sebaya terhadap motivasi dan penglibatan murid di sekolah rendah. Kajian ini memberi implikasi kepada pelbagai pihak terutamanya kepada murid sekolah rendah, ibu bapa, guru, pentadbir sekolah serta organisasi kerajaan dan bukan kerajaan supaya dapat meningkatkan motivasi dan penglibatan murid di sekolah rendah. Dengan ini, prestasi murid akan meningkat di samping aspirasi pendidikan negara juga akan tercapai.

ABSTRACT

The Towards 21st century, the new generation needs to be equipped with learning skills that include communication skills, 3M skills such as reading, counting and writing skills, science and technology skills and so on. In 21st century learning, teachers act as facilitators in the classroom so that students can learn actively in the learning sessions. However, teachers nowadays face challenges in increasing students' motivation and involvement in learning. This is because the differences of students in terms of personality, knowledge, motivation, background and also learning style have caused difficulties for teachers to motivate and increase student engagement more effectively. Therefore, the purpose of this study was to examine the motivations of teachers and peers on the motivation and engagement of students in primary schools. This study was conducted using a correlation research design involves 364 students from 21 Primary Chinese Schools in Kluang District and respondents were selected via proportional stratified random sampling method. Online questionnaire was distributed for getting information from the samples. Data collected using SPSS software and collected data were analysed using descriptive statistics while inferential statistics were analysed using Pearson correlation. The results of the study have shown that the level of motivation of teachers and peers in primary schools is moderate while the level of motivation and involvement of students in primary schools is high. The results of the study also showed that there was a moderately positive significant relationship between teacher and peer motivation on the motivation and involvement of students in primary schools. This study provides an implication to various parties, especially to primary school students, parents, teachers, school administrators as well as government and non-governmental organizations in order to increase the motivation and involvement of students in primary schools. So that, the student achievement will increase as well as our country's educational aspirations will also be achieved.

SENARAI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PENGAKUAN	iii
DEDIKASI	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI SIMBOL	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
 BAB 1 PENGENALAN	 1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Hipotesis Kajian	11
1.7 Kerangka Teori Kajian	12
1.8 Kerangka Konsep Kajian	16
1.9 Skop Kajian	17
1.10 Kepentingan kajian	17
1.10.1 Murid di sekolah	17
1.10.2 Ibu bapa	18
1.10.3 Guru	18
1.10.4 Pentadbir sekolah	18

1.10.5 Organisasi kerajaan dan bukan kerajaan	18
1.11 Definisi istilah	19
1.11.1 Dorongan Guru	19
1.11.2 Dorongan rakan sebaya	19
1.11.3 Motivasi murid	20
1.11.4 Penglibatan murid	21
1.12 Rumusan	21
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	22
2.1 Pengenalan	22
2.2 Kepentingan dorongan guru dan rakan sebaya terhadap motivasi	22
2.2.1 Motivasi intrinsik dan ekstrinsik	23
2.2.2 Teori motivasi	24
2.2.3 Teori Keperluan Abraham Maslow	24
2.3 Kepentingan dorongan guru dan rakan sebaya terhadap penglibatan murid	25
2.3.1 Teori Penglibatan	26
2.3.2 Teori Penglibatan Astin	26
2.4 Teori tentang dorongan guru dan rakan sebaya	27
2.4.1 Teori Ekologi Bronfenbrenner	27
2.5 Kajian lepas	28
2.5.1 Hubungan antara dorongan guru terhadap motivasi murid	28
2.5.2 Hubungan antara dorongan guru terhadap penglibatan murid	29
2.5.3 Hubungan antara dorongan rakan sebaya terhadap motivasi murid	30
2.5.4 Hubungan antara dorongan rakan sebaya dan penglibatan murid	32
2.6 Rumusan	33
BAB 3 KAEADAH METODOLOGI	34
3.1 Pengenalan	34
3.2 Reka bentuk kajian	34

3.3	Populasi dan Sampel Kajian	35
3.4	Instrumen Kajian	39
3.4.1	Bahagian 1: Demografi Responden	40
3.4.2	Bahagian 2: <i>Teacher as Social Context (TASC) Questionnaire</i>	40
3.4.3	Bahagian 3: <i>Classroom Life Measure (CLM) Questionnaire</i>	41
3.4.4	Bahagian 4: Skala Penglibatan	43
3.4.5	Rumusan Instrumen dan Item Yang Digunakan	45
3.5	Kajian Rintis	45
3.5.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Penyelidikan	45
3.5.1.1	Kesahan Kandungan	46
3.5.1.2	Kebolehpercayaan Konsistensi Dalaman - Cronbach's alpha	47
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	48
3.7	Analisis Data	49
3.8	Rumusan	52
BAB 4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	53
4.1	Pendahuluan	53
4.2	Profil Demografi Responden	53
4.2.1	Umur	53
4.2.2	Jantina	54
4.2.3	Bangsa	54
4.2.4	Nama Sekolah	55
4.3	Ujian Normaliti	56
4.4	Analisis Tahap Dorongan Guru dan Rakan Sebaya terhadap Motivasi dan Penglibatan Murid di Sekolah Rendah	57
4.4.1	Analisis Tahap Dorongan Guru dalam Kalangan Murid di Sekolah Rendah	58
4.4.1.1	Analisis Tahap Dorongan Guru dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah (Sokongan Perkaitan)	58

4.4.1.2	Analisis Tahap Dorongan Guru dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah (Sokongan Kecekapan)	60
4.4.1.3	Analisis Tahap Dorongan Guru dalam Kalangan Murid di Sekolah Rendah (Sokongan Autonomi)	63
4.4.2	Analisis Tahap Dorongan Rakan Sebaya dalam Kalangan Murid di Sekolah Rendah	66
4.4.2.1	Analisis Tahap Dorongan Rakan Sebaya dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah (Dorongan Akademik Rakan Sebaya)	67
4.4.2.2	Analisis Tahap Dorongan Rakan Sebaya dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah (Dorongan Peribadi Rakan Sebaya)	68
4.4.2.3	Analisis Tahap Dorongan Rakan Sebaya dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah (Pembelajaran Koperatif)	70
4.4.3	Analisis Tahap Motivasi dalam Kalangan Murid di Sekolah Rendah	74
4.4.3.1	Analisis Tahap Motivasi dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah (Motivasi yang Dikenalpasti dan Motivasi Intrinsik)	74
4.4.4	Analisis Tahap Penglibatan dalam Kalangan Murid di Sekolah Rendah	77
4.4.4.1	Analisis Tahap Penglibatan dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah (Penglibatan Tingkah Laku)	78
4.4.4.2	Analisis Tahap Penglibatan dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah (Penglibatan Emosi)	81
4.4.4.3	Analisis Tahap Penglibatan dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah (Penglibatan Kognitif)	83
4.5	Analisis Hubungan Antara Dorongan Guru dan Rakan Sebaya Terhadap Motivasi dan Penglibatan Murid di Sekolah Rendah	86
4.5.1	Analisis hubungan antara dorongan guru terhadap motivasi murid sekolah rendah	86

4.5.2	Analisis hubungan antara dorongan guru terhadap penglibatan murid sekolah rendah.	87
4.5.3	Analisis hubungan antara dorongan rakan sebaya terhadap motivasi murid sekolah rendah.	88
4.5.4	Analisis hubungan antara dorongan rakan sebaya terhadap penglibatan murid sekolah rendah.	89
4.6	Rumusan	90
BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, LIMITASI DAN CADANGAN KAJIAN	92
5.1	Pengenalan	92
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	92
5.3	Perbincangan	94
5.3.1	Objektif 1: Mengkaji tahap dorongan guru di sekolah rendah.	95
5.3.2	Objektif 2: Mengkaji tahap dorongan rakan sebaya di sekolah rendah.	95
5.3.3	Objektif 3: Mengkaji tahap motivasi murid di sekolah rendah.	96
5.3.4	Objektif 4: Mengkaji tahap penglibatan murid di sekolah rendah.	97
5.3.5	Objektif 5: Mengenal pasti hubungan antara dorongan guru terhadap motivasi murid sekolah rendah.	97
5.3.6	Objektif 6: Mengenal pasti hubungan antara dorongan guru terhadap penglibatan murid di sekolah rendah.	98
5.3.7	Objektif 7: Mengenal pasti hubungan antara dorongan rakan sebaya terhadap motivasi murid di sekolah rendah.	99
5.3.8	Objektif 8: Mengenal pasti hubungan antara dorongan rakan sebaya terhadap penglibatan murid di sekolah rendah.	100
5.4	Limitasi Kajian	100
5.5	Implikasi Kajian	101
5.5.1	Murid sekolah rendah	102
5.5.2	Ibu bapa	102

5.5.3	Guru	103
5.5.4	Pentadbir sekolah	103
5.5.5	Organisasi Kerajaan dan Bukan Kerajaan.	103
5.6	Cadangan Kajian	104
5.7	Rumusan	105
RUJUKAN		107
LAMPIRAN A-F		115-150

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
	Jadual 3.2: Dua puluh satu buah sekolah yang terpilih dalam kajian	36
	Jadual 3.3: Pengiraan Berkadar pada Sampel (murid sekolah rendah) dari Setiap Subpopulasi (sekolah)	38
	Jadual 3.4: Item untuk mengukur subskala dorongan guru dan motivasi murid	41
	Jadual 3.5: Likert lima mata untuk dorongan guru	41
	Jadual 3.6: Item untuk mengukur subskala dorongan rakan sebaya	43
	Jadual 3.7: Likert lima mata untuk dorongan rakan sebaya	43
	Jadual 3.8: Item untuk mengukur subskala penglibatan	44
	Jadual 3.9: Likert lima mata untuk penglibatan murid di sekolah	44
	Jadual 3.10: Rumusan Instrumen dan Item Yang Digunakan	45
	Jadual 3.11: Cronbach's Alpha untuk TASC	47
	Jadual 3.12: Cronbach's Alpha untuk CLM	47
	Jadual 3.13: Cronbach's Alpha untuk Skala Penglibatan	48
	Jadual 3.14: Tafsiran Skor Min	50
	Jadual 3.15: Pengelasan Kekuatan Korelasi	51
	Jadual 3.16: Ukuran dan Analisis	51
	Jadual 4.1: Taburan Responden Berdasarkan Umur	53
	Jadual 4.2: Taburan Responden Berdasarkan Jantina	54
	Jadual 4.3: Taburan Responden Berdasarkan Bangsa	54
	Jadual 4.4: Taburan Responden Berdasarkan Nama Sekolah	55
	Jadual 4.5: Skewness dan Kurtosis	56
	Jadual 4.6: Ujian Normaliti Shapiro-Wilk	57
	Jadual 4.7: Purata dan Sisihan Piawai Tahap Dorongan Guru	58
	Jadual 4.8: Tahap Dorongan Guru (Sokongan Perkaitan)	59
	Jadual 4.9: Tahap Dorongan Guru (Sokongan Kecekapan)	61

Jadual 4.10: Tahap Dorongan Guru (Sokongan Autonomi)	63
Jadual 4.11: Rumusan Tahap Dorongan Guru dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah	65
Jadual 4.12: Purata dan Sisihan Piawai Tahap Dorongan Rakan Sebaya	66
Jadual 4.13: Tahap Dorongan Rakan Sebaya (Dorongan Akademik Rakan Sebaya)	67
Jadual 4.14: Tahap Dorongan Rakan Sebaya (Dorongan Peribadi Rakan Sebaya)	69
Jadual 4.15: Tahap Dorongan Rakan Sebaya (Pembelajaran Koperatif)	71
Jadual 4.16: Rumusan Tahap Dorongan Rakan Sebaya dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah	73
Jadual 4.17: Purata dan Sisihan Piawai Tahap Motivasi	74
Jadual 4.18: Tahap Motivasi (Motivasi yang Dikenalpasti dan Motivasi Intrinsik)	75
Jadual 4.19: Rumusan Tahap Motivasi dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah	77
Jadual 4.20: Purata dan Sisihan Piawai Tahap Penglibatan	78
Jadual 4.21: Tahap Penglibatan (Penglibatan Tingkah Laku)	79
Jadual 4.22: Tahap Penglibatan (Penglibatan emosi)	82
Jadual 4.23: Tahap Penglibatan (Penglibatan Kognitif)	84
Jadual 4.24: Rumusan Tahap Penglibatan Murid dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah	85
Jadual 4.25: Hubungan Antara Dorongan Guru Terhadap Motivasi Murid Sekolah Rendah	87
Jadual 4.26: Hubungan Antara Dorongan Guru Terhadap Penglibatan Murid Sekolah Rendah	88
Jadual 4.27: Hubungan Antara Dorongan Rakan Sebaya Terhadap Motivasi Murid Sekolah Rendah	89
Jadual 4.28: Hubungan Antara Dorongan Rakan Sebaya Terhadap Penglibatan Murid Sekolah Rendah	90
Jadual 4.29: Rumusan Dapatan Kajian	91
Jadual 3.1: Jadual Penentuan Sampel Saiz Dari Krejcie dan Morgan (1970)	125

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1 Kerangka Teori Kajian		13
Rajah 1.2 Kerangka Konsep Kajian		16
Rajah 3.1 Pengiraan Skor Min		49

SENARAI SINGKATAN

B.Ed.	-	Bachelor of Education
CLM	-	Classroom Life Measure
H	-	Hipotesis
IPG	-	Institut Pendidikan Guru
JERIS	-	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Sosial
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
3M	-	Membaca, Menulis dan Mengira
NGO	-	Non-Governmental Organizations
PdPc	-	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SPSS	-	Statistical Package for the Social Sciences
TASC	-	Teacher as Social Context
TESL	-	Teaching English as a Second Language
TV	-	Televisyen
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

SENARAI SIMBOL

α	-	Alpha
df	-	Degrees of freedom
f	-	Kekerapan
M	-	Min
N	-	Jumlah populasi
n	-	Jumlah sampel saiz
Nf	-	Saiz populasi
nf	-	Saiz sampel
%	-	Peratusan
p, sig	-	Nilai Signifikan
R	-	Item diterbalikan
r	-	Pearson Correlation Coefficient
<	-	Kurang daripada
>	-	Lebih daripada
=	-	Sama dengan

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Borang Maklumat dan Persetujuan	115
Lampiran B	Borang Soal Selidik Kajian	117
Lampiran C	Penentuan Sampel Saiz Dari Krejcie dan Morgan (1970)	125
Lampiran D	Borang Pengesahan Pakar	127
Lampiran E	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian	147
Lampiran F	Statistik Digunakan untuk Persampelan	150

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan di Malaysia sedang mengalami transformasi secara berperingkat dari semasa ke semasa. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 (PPPM). Tujuan transformasi kurikulum pendidikan adalah untuk menangani cabaran pendidikan abad ke-21. Dalam usaha merealisasikan aspirasi ini, guru memainkan peranan yang penting untuk melahirkan insan yang mempunyai sahsiah yang terpuji selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Falsafah Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah membangunkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Dengan ini, murid dapat melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran dari semasa ke semasa dan secara tidak langsung menjadi pemangkin untuk murid melibatkan diri dengan aktiviti di sekolah.

Menurut Iberahim, Mahamod dan Mohammad (2017), pengajaran dan pembelajaran menerusi kemahiran abad ke-21 dapat membantu guru dan murid untuk mencapai aspirasi pendidikan negara. Hal ini demikian kerana kemahiran ini dapat membantu murid dalam mengharungi kehidupan mereka yang penuh dengan cabaran globalisasi. Tidak dapat dinafikan, dorongan guru memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Bilik darjah yang mempunyai dorongan guru yang kuat akan membantu murid mendapat dorongan yang sewajarnya serta memupuk murid belajar secara autonomi (Moen, Sheridan,

Schumcher & Cheng, 2019). Selain dorongan guru, dorongan rakan sebaya juga penting dalam menyokong murid melibatkan diri secara aktif dalam bilik darjah. Hasil kajian Hillesøy (2016) telah menunjukkan bahawa dorongan guru dan rakan sebaya dapat meningkatkan interaksi antara guru dengan murid dalam bilik darjah dan juga merupakan pendekatan yang penting dalam memupuk penglibatan murid di dalam bilik darjah.

Tambahan pula, motivasi juga mampu mendorong murid untuk menguasai kemahiran abad ke-21 dengan lebih berkesan sehingga melahirkan murid yang mampu berdaya saing dengan negara maju. Menurut Tohidi dan Jabbari (2012), motivasi dapat membantu murid mencapai prestasi yang baik dalam diri murid. Pembelajaran yang berkualiti juga bergantung kepada kesediaan murid untuk belajar dan juga interaksi sosial murid. Menurut Soltani (2018) pula, guru memainkan peranan yang penting untuk memotivasi murid dalam kelas supaya murid dapat belajar dengan lebih mendalam. Kajian tersebut telah menunjukkan motivasi yang diberikan oleh guru dapat mengubah motivasi dan persepsi murid. Oleh itu, dorongan guru di sekolah merupakan pemangkin kepada motivasi murid dalam bilik darjah. Begitu juga dengan dorongan rakan sebaya, rakan sebaya memainkan peranan yang penting dalam diri seseorang murid.

Banyak kajian mendapati dorongan guru dan rakan sebaya memberi sumbangan yang besar dalam meningkatkan motivasi dan penglibatan murid di sekolah. Menurut Sharon Zumbrunn (2014), dorongan guru dan rakan sebaya dapat memberi sumbangan terhadap rasa kepunyaan murid dan secara tidak langsung meningkatkan motivasi dan pencapaian murid tersebut. Stefa (2018) pula menjelaskan bahawa hubungan yang erat antara rakan sebaya dapat memupuk sikap saling membantu serta meningkatkan motivasi murid terutamanya dalam pencapaian akademik. Bukan itu sahaja, tugas sekolah dapat dihasilkan dengan mudah apabila terdapat dorongan daripada guru dan rakan sebaya. Kajian Wanders, Van Der Veen, Dijkstra dan Maslowski (2019) menunjukkan hubungan guru dan murid saling berkaitan secara positif dengan penglibatan murid di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah.

Menurut Ibrahim dan El Zaatari (2019), murid menghabiskan banyak masa di sekolah berinteraksi dengan guru. Dengan ini, mereka harus disediakan dengan sokongan dan perhatian dalam persekitaran kehidupan yang penting ini. Oleh itu, guru perlu memberi dorongan kepada murid untuk meningkatkan motivasi mereka semasa di sekolah supaya mereka dapat terus belajar sehingga peringkat yang lebih tinggi. Selain guru, rakan sebaya juga memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan motivasi murid. Menurut Nursuhaili (2010), rakan sebaya mempengaruhi tingkah laku murid. Jika murid berkawan dengan kawan yang bermotivasi, kecenderungan murid bermotivasi untuk belajar adalah besar. Menurut Kiefer, Alley dan Ellerbrock (2015), dorongan guru dan rakan sebaya bukan sahaja meningkatkan motivasi murid, tetapi juga meningkatkan penglibatan murid dalam bilik darjah.

Dengan ini, kajian ini akan mengenal pasti hubungan antara dorongan guru terhadap motivasi dan penglibatan murid di sekolah. Kajian ini bermula dengan latar belakang kajian termasuk dorongan guru, dorongan rakan sebaya, motivasi murid dan penglibatan murid di sekolah. Seterusnya, persoalan kajian, hipotesis kajian dan diikuti dengan tinjauan literatur yang berkaitan dengan dorongan guru dan rakan sebaya terhadap motivasi dan penglibatan murid di sekolah rendah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menjelang abad ke-21, generasi baru perlu dilengkapi dengan kemahiran pembelajaran yang meliputi kemahiran komunikasi, kemahiran 3M iaitu kemahiran membaca, mengira dan menulis, kemahiran sains dan teknologi dan sebagainya. Dalam pembelajaran abad ke-21, guru bertindak sebagai fasilitator di dalam kelas supaya murid dapat belajar secara aktif dalam sesi pembelajaran. Dengan erti kata yang lain, pembelajaran abad ke-21 merupakan pembelajaran berpusatkan murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dan murid perlu melibatkan diri secara aktif dalam pembelajarannya. Menurut Owens, Sadler, Barlow dan Smith-W. (2017), pembelajaran yang aktif dapat meningkatkan motivasi murid untuk belajar. Manakala Tas (2016) pula menyatakan penglibatan murid adalah penting kerana meningkatkan pembelajaran dan pencapaian murid. Dorongan guru saling berkaitan dengan

penglibatan murid seperti penyertaan mereka dalam aktiviti sekolah. Dalam kajian yang lain, Fredricks, Blumenfeld, Friedel dan Paris (2002) menyatakan dorongan rakan sebaya berkaitan dengan penglibatan tingkah laku, emosi, dan kognitif murid sekolah rendah.

Walaubagaimanapun, guru pada masa kini menghadapi cabaran dalam meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran. Hal ini demikian kerana para murid adalah berbeza dari segi personaliti, pengetahuan, motivasi, latar belakang dan juga gaya pembelajaran telah menyebabkan kesukaran guru untuk memotivasi murid dengan lebih berkesan (Norazlin & Siti, 2019). Tidak dapat dinafikan, murid mempunyai kebolehan yang berbeza sama ada dalam akademik maupun dalam kokurikulum. Terdapat murid yang mendapat pencapaian yang tinggi dalam akademik malah terdapat juga murid yang lemah dalam akademik. Biasanya, murid yang lemah dalam akademik tidak berminat dalam pelajaran dan juga bermasalah dalam keluarga.

Oleh itu, guru perlu memahami perbezaan murid serta memberikan dorongan yang secukupnya untuk meningkatkan motivasi murid. Selain itu, guru juga menghadapikekangan masa dalam menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pengajaran kerana waktu untuk mengajar agak singkat (Yunos, 2015). Kadangkala, waktu pengajaran guru juga terganggu oleh aktiviti yang tidak berkaitan dengan pengajaran mereka seperti aktiviti sukan, pertandingan, bengkel, sambutan dan sebagainya telah menyebabkan murid tidak dapat melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran kerana terganggu oleh aktiviti yang lain dijalankan di sekolah. Menurut Nachiappan, Sinnasamy dan Suffian (2017), pengajaran guru yang menggunakan kaedah tradisional iaitu *chalk and talk* juga menyebabkan murid berasa bosan dan tidak bermotivasi untuk belajar.

Bukan itu sahaja, kekurangan dari segi bahan bantu mengajar, alat dan kemudahan juga menyebabkan pembelajaran aktif tidak dapat dilaksanakan. Memandangkan guru telah bersedia dan bersemangat untuk mengajar, tetapi kuantiti dan kualiti bahan tersebut tidak cukup untuk menampung keperluan para guru dan murid (Norazlin et al., 2019). Hal ini telah menyebabkan guru tidak dapat

menggunakan bahan-bahan tersebut seperti komputer, projektor dan juga papan pintar untuk meningkatkan motivasi dan penglibatan murid di dalam kelas.

Dalam usaha mencapai kejayaan yang cemerlang khususnya dalam bidang akademik, motivasi dalam diri murid merupakan salah satu faktor penentu kejayaan murid. Tanpa motivasi, sukar untuk murid melakukan tugasannya seterusnya mencapai kejayaan dengan cemerlang dalam kehidupan mereka. Menurut Gopalan, Bakar, Zulkifli, Alwi, dan Mat (2017), motivasi dan pembelajaran mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Motivasi adalah teras bagi aspirasi manusia dan pencapaian.

Selain daripada motivasi yang wujud dalam diri murid, dorongan guru dan rakan sebaya dilihat sebagai dua faktor yang memainkan peranan yang penting sebagai pendorong motivasi seseorang murid. Menurut Emada (2017), jika terdapat keinginan untuk belajar bagi seseorang murid, tetapi tiada dorongan daripada luar, maka semangat murid tersebut untuk belajar akan berkurang. Tidak dapat dinafikan, selain keluarga, guru dan rakan sebaya merupakan orang yang terdekat dengan murid serta membawa pengaruh yang besar dalam kehidupan seseorang murid. Menurut Bronfenbrenner (1979) dalam Teori Ekologi, setiap individu akan melalui proses pertumbuhan dan perkembangan yang terangkum di dalam sistem persekitaran yang mementingkan interaksi antara satu sama lain. Manakala mikrosistem melibatkan persekitaran yang terdekat di mana individu dapat berinteraksi secara langsung dan menghabiskan paling banyak masa antara satu sama lain. Ia meliputi keluarga, guru, rakan sebaya, sekolah dan persekitaran yang terlibat secara langsung dengan seseorang individu. Di persekitaran sekolah, guru merupakan orang yang diberikan mandat untuk mengajar dan mendidik murid supaya melahirkan modal insan yang berguna. Guru juga sebagai pendorong murid di sekolah untuk meningkatkan motivasi mereka supaya melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti sekolah.

Menurut Kiefer et al. (2015), sokongan guru dapat memberi implikasi terhadap motivasi, penglibatan kelas dan rasa kepunyaan terhadap sekolah. Hasil kajian menunjukkan dorongan guru dan murid berkait rapat dengan motivasi dan penglibatan dalam kelas. Murid dan guru berpendapat bahawa dorongan rakan sebaya dari segi kerja rumah dapat meningkatkan rasa kepunyaan di sekolah dan penglibatan dalam

kelas. Selanjutnya, hubungan dengan rakan-rakan terjalin murid berasa "selamat dan gembira" serta meningkatkan rasa kepunyaan sekolah dalam diri mereka. Menurut Zee dan Koomen (2020) dorongan guru dan rakan sebaya dalam akademik dapat memupuk persekitaran pembelajaran yang kondusif di samping dapat menjadi dorongan murid bermotivasi untuk belajar, penglibatan dalam kelas dan juga rasa kepunyaan dalam sekolah. Bukan itu sahaja, tingkah laku interpersonal yang positif juga dapat membantu guru menjalin hubungan yang baik dengan murid serta menghasilkan iklim bilik darjah yang positif.

Menurut Wanders et al. (2019) pula, hubungan positif antara murid dengan guru merupakan salah satu dorongan guru dan rakan sebaya kerana hubungan positif dapat menjadikan murid merasa aman dan memberi ruang untuk berkongsi pendapat mereka. Bukan itu sahaja, dorongan guru dan rakan sebaya juga dapat meningkatkan penglibatan dan motivasi mereka untuk mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran. Selain itu, Zakaria (2019) menunjukkan faktor yang paling mempengaruhi motivasi murid ialah faktor ekstrinsik. Faktor tersebut melibatkan rakan sebaya yang belajar bersungguh-sungguh dan sering menjadi rujukan dan tumpuan murid untuk mendapatkan bantuan.

Oleh itu, motivasi bukan sahaja penting untuk mencapai kejayaan dalam pendidikan tetapi juga dalam kehidupan sebenar. Ini telah dibuktikan bahawa murid yang mempunyai motivasi yang tinggi akan berusaha untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam pencapaian akademik. Di samping itu, banyak pandangan yang dikemukakan oleh pengkaji telah mengaitkan dorongan guru dan rakan sebaya dalam meningkatkan motivasi murid. Motivasi selalu dijadikan indikator baik atau buruk prestasi murid. Apabila murid bermotivasi untuk belajar, maka penglibatan sekolah dan juga prestasi mereka dalam pelajaran akan meningkat. Menurut Sette, Gasser dan Grutter (2020), kajian didapati dorongan guru dapat meningkatkan penyertaan murid dalam akademik mereka. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa minat guru terhadap murid boleh mempengaruhi pencapaian akademik murid. Oleh itu, dorongan guru sangat penting dalam memotivasi murid dalam pelajaran mereka. Sebaliknya, murid yang tidak bermotivasi dan tidak mendapat dorongan daripada guru sukar mencapai kejayaan dalam kehidupan mereka terutamanya dalam akademik.

Secara amnya, rakan sebaya merupakan sahabat daripada lingkungan latar belakang yang lebih kurang sama dan suka dalam pelbagai aktiviti. Dengan erti kata yang lain, mereka mempunyai minat yang lebih kurang sama dan mempunyai satu identiti dan kumpulan tersendiri. Menurut Quek Miow Leng (2006), rakan sebaya memainkan peranan yang penting dalam kehidupaan seseorang murid. Kebanyakan murid menjadikan rakan sebaya mereka sebagai panduan untuk menilai kebolehan dirinya dari segi kebolehan, kemahiran, personaliti dan tingkah laku mereka. Ini telah menunjukkan rakan sebaya dapat memberi impak yang besar terhadap kehidupan murid terutamanya pada zaman kanak-kanak. Wanders et al. (2019) menjelaskan bahawa sesetengah murid di kelas tertentu yang menilai hubungan mereka dengan rakan sebaya mereka baik, maka mereka cenderung secara aktif untuk terlibat dalam masyarakat. Penemuan ini telah menjelaskan bahawa perlunya hubungan antara murid dengan rakan sebaya dalam usaha memupuk penglibatan yang aktif dan motivasi di dalam kelas. (Johnson, 1981; Rubin, Bukowski & Parker 1998; Slee & Skrzypiec 2016). Sebaliknya, sekiranya tanpa dorongan dan hubungan yang positif antara rakan sebaya, lebih sukar bagi guru untuk mendorong motivasi murid di dalam kelas terutamanya dalam aktiviti perbincangan. Di samping itu, kajian tersebut juga menekankan tentang keperluan dorongan murid untuk penglibatan aktif serta bermotivasi belajar di dalam kelas. Oleh demikian, rakan sebaya memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan motivasi murid di sekolah.

Menurut Kiefer et al. (2015), sokongan guru dan rakan sebaya dapat meningkatkan rasa kepunyaaan dalam diri seseorang murid. Apabila seseorang murid mempunyai rasa kepunyaan dalam bilik darjah, mereka akan bermotivasi untuk belajar serta mendorong mereka melakukan aktiviti dalam menimba ilmu pengetahuan. Secara tidak langsung, murid akan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti di samping mencapai kejayaan dalam sekolah. Tambahan pula, dorongan daripada guru dan rakan sebaya juga memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan motivasi murid sehingga di peringkat yang lebih tinggi. Dengan ini, murid berpeluang untuk melanjutkan pelajaran mereka di universiti, maka matlamat pendidikan sepanjang hayat dapat dicapai.

Justeru, murid yang mendapat dorongan daripada guru dan rakan sebaya akan lebih bermotivasi untuk belajar. Murid yang bermotivasi akan mendorong mereka melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sekolah serta mencapai kejayaan dalam kehidupan mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Perubahan dalam pendidikan telah tercatat dalam dasar-dasar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia. Tujuan dasar yang dihasratkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah untuk melahirkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS) seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pihak kerajaan juga memberi harapan yang besar kepada guru untuk mengembangkan potensi murid sejajar dengan matlamat pendidikan yang telah ditetapkan supaya dapat meningkatkan motivasi murid di samping mencapai matlamat pembelajaran sepanjang hayat. Dalam usaha merealisasikan aspirasi pendidikan negara, dorongan guru dan rakan sebaya penting kerana ia dapat memberi impak yang besar kepada murid (Stefa, 2018). Bukan itu sahaja, sokongan daripada rakan sebaya dapat memberi motivasi kepada murid serta dapat membantu seseorang murid mencapai kejayaan dalam kehidupan mereka.

Walaubagaimanapun Zamri (2012) mendapati terdapat bentuk pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) pada abad ke-21 masih berpusatkan guru dan tidak dapat melibatkan murid secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Hal ini kerana kebanyakan sekolah mengutamakan pencapaian dan penilaian dari segi akademik berbanding dengan bakat murid. Namun begitu, kebanyakan guru lebih mengutamakan dengan tugas menghabiskan silibus pengajaran mereka untuk menghadapi peperiksaan sehingga mengabaikan tanggungjawab mereka dalam mendorong murid dan memupuk penglibatan yang aktif dalam kalangan murid. Akhirnya, murid yang ketinggalan mengasingkan diri, melepaskan diri, dan melupakan tujuan mereka belajar serta kehilangan motivasi untuk belajar (Ibrahim et al., 2019).

Guru merupakan individu yang menarik perhatian murid dan dapat mengambil berat terhadap kelas semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Kaedah pengajaran guru yang berbentuk ‘*chalk and talk*’ juga antara salah satu punca yang menyebabkan murid bosan dan tidak bermotivasi belajar di samping tidak melibatkan diri dalam aktiviti kelas. Kesannya murid tidak dapat memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam tempoh yang lama. Kehilangan tumpuan dalam pembelajaran akan menyebabkan penglibatan murid dalam kelas semakin menurun (Abdul, Ismail, Mohamad, & Osman, 2019).

Keprihatinan guru juga merupakan faktor yang mendorong murid dalam meningkatkan motivasi dan penglibatan mereka di sekolah. Wanders et al. (2019) menjelaskan bahawa murid yang menganggap guru mereka prihatin, memahami, dan sanggup mendengar suara mereka dapat menjadi dorongan mereka untuk bersedia melibatkan diri dalam aktiviti bilik darjah. Sebaliknya, murid yang menganggap guru mereka tidak prihatin, tidak memahami serta tidak mendorong mereka akan mengakibatkan mereka tidak bermotivasi untuk belajar. Hal ini menyebabkan pencapaian murid semakin menurun, murid tidak melibatkan diri dalam aktiviti sekolah dan kesan yang besar adalah berhenti sekolah.

Dari sudut rakan sebaya pula, rakan sebaya boleh menjadi pendorong ke arah perlakuan yang positif atau negatif. Menurut Poldin, Valeeva, dan Yudkevich (2015) rakan sebaya boleh menjadi teladan murid dalam pelajaran mereka. Namun begitu, terdapat murid mudah mengikut jejak langkah rakan sebaya yang tidak bermotivasi dalam pelajaran mereka serta bersikap pasif melibatkan diri dalam aktiviti sekolah. Bukan itu sahaja, terdapat murid yang berasal daripada keluarga yang bermasalah memerlukan dorongan daripada guru dan juga rakan sebaya dalam meningkatkan motivasi. Walaubagaimanapun, kebanyakan murid yang berasal dari keluarga yang bermasalah sering disingkirkan oleh rakan sebaya dan kadangkala juga diabaikan oleh guru kerana kebanyakan murid yang berasal dari keluarga yang bermasalah juga bermasalah dalam pelajaran mereka.

Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan motivasi dan penglibatan murid. Walaubagaimanapun, terdapat

ramai murid tidak bermotivasi untuk belajar disebabkan oleh kekurangan dorongan guru dan rakan sebaya serta menganggap guru dan rakan sebaya mereka tidak prihatin dan memahami mereka. Hal ini telah menyebabkan murid tidak dapat bermotivasi untuk belajar, tidak melibatkan diri dalam aktiviti sekolah dan akhirnya potensi murid tidak dapat dikembangkan dengan berkesan yang sejajar dengan Falsafah Pendidikan Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti dorongan guru dan rakan sebaya terhadap motivasi dan penglibatan murid di sekolah rendah.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut

- i. Mengkaji tahap dorongan guru di sekolah rendah.
- ii. Mengkaji tahap dorongan rakan sebaya di sekolah rendah.
- iii. Mengkaji tahap motivasi murid di sekolah rendah.
- iv. Mengkaji tahap penglibatan murid di sekolah rendah.
- v. Mengenal pasti hubungan antara dorongan guru terhadap motivasi murid sekolah rendah.
- vi. Mengenal pasti hubungan antara dorongan guru terhadap penglibatan murid di sekolah rendah.
- vii. Mengenal pasti hubungan antara dorongan rakan sebaya terhadap motivasi murid di sekolah rendah.
- viii. Mengenal pasti hubungan antara dorongan rakan sebaya terhadap penglibatan murid di sekolah rendah

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan, persoalan-persoalan utama yang menjadi kajian ini ialah:

- i. Apakah tahap dorongan guru di sekolah rendah?
- ii. Apakah tahap dorongan rakan sebaya di sekolah rendah?
- iii. Apakah tahap motivasi murid di sekolah rendah?
- iv. Apakah tahap penglibatan murid di sekolah rendah?
- v. Adakah terdapat hubungan antara dorongan guru terhadap motivasi murid sekolah rendah?
- vi. Adakah terdapat hubungan antara dorongan guru terhadap penglibatan murid di sekolah rendah?
- vii. Adakah terdapat hubungan antara dorongan rakan sebaya terhadap motivasi murid di sekolah rendah?
- viii. Adakah terdapat hubungan antara dorongan rakan sebaya terhadap penglibatan murid di sekolah rendah?

1.6 Hipotesis Kajian

Untuk memenuhi objektif di atas dirumuskan hipotesis nul berikut:

H₀₁: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dorongan guru dengan motivasi murid sekolah rendah.

H₀₂: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dorongan guru dengan penglibatan murid di sekolah rendah.


H₀₃: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dorongan rakan sebaya dengan motivasi murid di sekolah rendah.

H₀₄: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dorongan rakan sebaya dengan penglibatan murid di sekolah rendah.

1.7 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian ini terdiri daripada Teori Ekologi Bronfenbrenner (1971), Teori Keperluan: Abraham Maslow (1970) dan juga Teori Penglibatan Astin (1984).

Teori Ekologi (2004) yang diutarakan oleh Eric Bronfenbrenner memfokuskan pengaruh sosiobudaya persekitaran terhadap perkembangan individu dari lahir hingga dewasa. Teori ini telah menarik perhatian para pendidik supaya bukan sahaja mengutamakan alam belajar dalam bilik darjah, tetapi juga mengutamakan alam persekitaran di luar bilik darjah. Dengan erti kata yang lain, guru tidak patut hanya menumpukan perhatian kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, tetapi juga perlu memberi pertimbangan pengaruh daripada interaksi dan komunikasi murid-murid mereka dengan keluarga, rakan sebaya dan komuniti tempatan di luar sekolah. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah banyak bergantung kepada cara interaksi guru dengan murid, murid dengan murid dan murid dengan bahan pembelajaran. Dengan ini, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dapat ditingkatkan di samping meningkatkan motivasi murid untuk belajar.



Rajah 1.1 Kerangka Teori Kajian

Teori Ekologi Bronfenbrenner merangkumi lima sistem ekologi berasaskan kepada interaksi kanak-kanak dalam keluarga mereka, dan di antara rakan sebaya serta orang dewasa yang dekat, termasuk pengaruh sosiobudaya keluarga dan komuniti setempat. Teori Bronfenbrenner dipilih dalam kajian ini kerana mikrosistem yang dinyatakan dalam sistem ekologi merupakan persekitaran di mana kebanyakan masa kanak-kanak berinteraksi secara langsung dengan ibu bapa, rakan sebaya, guru-guru dan orang-orang dewasa lain dalam rumah, sekolah dan juga alam persekitaran. Orang-orang yang dalam mikrosistem ini memainkan peranan yang amat penting dalam perkembangan kanak-kanak.

Sistem sosial merupakan satu sistem interaksi dan aktiviti manusia dalam masyarakat. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dalam bilik darjah bergantung kepada interaksi dan aktiviti di antara guru dengan murid-muridnya. Sehubungan itu, bilik darjah dan kawasan sekolah merupakan satu sistem sosial di mana interaksi berlaku melalui aktiviti-aktiviti yang dirancangkan berlandaskan sesuatu strategi pengajaran dan pembelajaran. Menurut Mok Soon Sang (2008), keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah sebagai alam belajar banyak bergantung kepada cara berinteraksi guru dengan murid, murid dengan murid dan murid dengan bahan pembelajaran. Antara salah dua faktor mempengaruhi suasana interaksi di dalam sekolah adalah faktor kemanusiaan dan faktor teknikal.

Faktor kemanusiaan boleh diklasifikasikan kepada suasana sosial dan suasana emosi. Suasana sosial merujuk kepada hubungan dan corak interaksi di antara murid dengan murid, khasnya dalam bilik darjah. Menurut Wanders et al. (2019), pentingnya hubungan antara murid dalam kelas kerana dapat meningkatkan motivasi dan penglibatan murid di dalam kelas. Sebagai contoh, murid yang mempunyai sifat pendiam atau pemalu tidak suka bergaul dengan murid yang lain, mereka biasanya berkawan dengan murid yang mempunyai status sosial yang setaraf. Oleh itu, rakan sebaya memainkan peranan yang penting sebagai pendorong motivasi dan penglibatan dalam proses pembelajaran murid terutamanya bagi murid yang sifat pendiam atau pemalu.

Suasana emosi merujuk kepada perasaan murid-murid terhadap guru mereka. Tidak dapat dinafikan, suasana emosi akan menimbulkan jenis-jenis tingkah laku yang ditentukan oleh sifat guru dan gaya pengajarannya. Contohnya, seorang guru yang bersifat agresif akan menimbulkan suasana emosi kegelisahan dalam kalangan murid. Sebaliknya, guru yang bersifat peramah dan dapat mendorong murid dalam aktiviti pembelajaran akan mewujudkan suasana emosi kegembiraan dan kekitaan dalam bilik darjah. Dengan sifat-sifat dan amalan yang positif ini, murid-murid akan suka berdamping rapat dengan guru, suka tanya dan sedia menerima ajaran dalam suasana riang dan gembira. Suasana emosi yang kondusif seperti ini akan meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah ataupun di dalam kawasan sekolah.

Faktor teknikal merujuk kepada teknik-teknik yang digunakan untuk merangsang semangat dan kesediaan belajar serta suasana sekolah yang kondusif. Faktor ini merangkumi aspek kemahiran guru, kecekapan penggunaan alat bantu mengajar serta aktiviti yang boleh merangsangkan aktiviti pembelajaran. Guru yang mempunyai kemahiran mengajar bukan sahaja dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, tetapi juga dalam meningkatkan penglibatan murid dalam bilik darjah.

Motivasi boleh digolongkan kepada dua jenis, iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi intrinsik adalah diwujudkan semula jadi daripada


rangsangan dalaman. Bruner (1966) mengaitkan motivasi intrinsik dengan naluri ingin tahu dan dorongan mencapai kecekapan sebagai motivasi intrinsik murid yang baru masuk sekolah. Walaubagaimanapun, terdapat motivasi intrinsik dibentuk daripada pembelajaran dan pengalaman membawa kepuasan. Motivasi ekstrinsik diwujudkan daripada rangsangan luaran dengan tujuan menggerakkan orang untuk melakukan sesuatu aktiviti yang membawa faedah kepadanya. Motivasi ekstrinsik boleh dirangsangkan dalam bentuk seperti memberi peneguhan positif seperti pujian, hadiah dan gred untuk membentuk suasana belajar yang kondusif untuk mendorongkan murid belajar.

Selain daripada teori Eric Bronfenbrenner, teori keperluan Abraham Maslow (1970) juga digunakan dalam kajian ini. Abraham Maslow (1970) berpendapat bahawa seseorang individu akan memenuhi keperluan asas terlebih dahulu sebelum memenuhi keperluan sekunder. Abraham Maslow menggolongkan ketujuh-ketujuh keperluan manusia dalam dua kategori, iaitu keperluan kekurangan dan keperluan kewujudan. Keperluan kekurangan meliputi keperluan fisiologi, keselamatan, kasih sayang dan penghargaan kendiri. Menurut beliau, manusia sentiasa berusaha menyempurnakan diri jika keperluan-keperluannya menghadapi masalah kekurangan.

Oleh itu, guru perlu menjadikan suasana bilik darjah yang kondusif dengan menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menarik agar murid merasa seronok, gembira dan melibatkan diri dalamnya. Guru juga perlu memupuk nilai penghargaan kendiri dalam kalangan murid serta memberi motivasi dan peneguhan yang sesuai supaya mereka bersungguh-sungguh dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Mohd Fazli Hasan (2013) penglibatan merupakan perbuatan melibatkan diri dalam suatu aktiviti. Berdasarkan Teori Penglibatan Astin (1984), penglibatan murid boleh diukur berdasarkan jumlah jam murid menghadiri aktiviti. Persekutaran sekolah sangat penting kerana ia merupakan persekitaran sosial bagi hubungan guru dengan murid dan murid dengan murid yang lain. Persekutaran sekolah yang menyokong sangat penting kerana ia dapat meningkatkan penglibatan murid dalam sekolah.

1.8 Kerangka Konsep Kajian



Rajah 1.2 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep di atas menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bergantung. Kajian ini dicadangkan dua pengubah bebas iaitu dorongan guru dan dorongan rakan sebaya. Manakala motivasi murid dan penglibatan murid secara aktif dalam aktiviti sekolah merupakan pemboleh ubah bergantung. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dorongan guru dan rakan sebaya terhadap motivasi dan penglibatan murid sekolah rendah. Kajian ini akan menggunakan *Teacher as Social Context (TASC) Questionnaire* untuk menguji tahap dorongan guru dan tahap motivasi murid dan *Classroom Life Measure Questionnaire* untuk menguji tahap dorongan rakan sebaya terhadap murid di sekolah. Manakala tahap penglibatan akan digaji dengan menggunakan skala penglibatan. Semua item dalam soal selidik yang dijelaskan mengandungi 5 mata. Format jenis Likert akan digunakan dengan pilihan mulai dari tidak pernah (1) hingga sentiasa (5), hasil dapatan kemudian akan dibahagikan untuk menghasilkan skala skor.

1.9 Skop Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dorongan guru dan rakan sebaya terhadap motivasi dan penglibatan sekolah dalam kalangan murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di Daerah Kluang. Kajian ini juga akan mengenal pasti hubungan antara dorongan guru dan rakan sebaya terhadap motivasi dan penglibatan murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di Daerah Kluang. Data yang diperoleh dalam kajian bergantung pada keikhlasan murid yang menjawab soal selidik.

1.10 Kepentingan kajian

Kajian ini berharap dapat memberi manfaat kepada para guru dalam merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran di kelas, terutamanya kepada murid sekolah rendah. Kajian ini juga dapat memberi gambaran kepada para pendidik tentang dorongan guru dan rakan sebaya terhadap motivasi dan penglibatan murid di sekolah rendah. Dapatkan yang diperoleh melalui kajian berharap dapat membantu pihak-pihak tertentu dalam bidang pendidikan untuk meningkatkan motivasi murid di sekolah rendah di samping meningkatkan mutu pencapaian akademik di negara kita.

1.10.1 Murid di sekolah

Kajian ini dapat memberi manfaat kepada para murid di sekolah terutamanya murid di sekolah rendah dalam usaha membantu mereka mengetahui tentang kepentingan dorongan guru dan rakan sebaya terhadap meningkatkan motivasi dan penglibatan mereka di sekolah. Kajian ini juga boleh dijadikan panduan murid yang tidak bermotivasi untuk mendapat sokongan daripada guru dan rakan sebaya supaya dapat meningkatkan motivasi belajar.

1.10.2 Ibu bapa

Kajian ini juga penting untuk para ibu bapa. Melalui kajian ini, ibu bapa dapat mengetahui kepentingan dorongan guru dan rakan sebaya dalam meningkatkan motivasi murid. Dengan ini, ibu bapa dapat mengambil berat terhadap pemilihan rakan sebaya anak kerana rakan sebaya mudah mempengaruhi tingkah laku anak mereka. Mereka juga dapat memberi nasihat kepada anak mereka untuk berkawan dengan rakan yang bersikap positif dan bermotivasi.

1.10.3 Guru

Selain itu, kajian ini juga memberi manfaat terhadap guru. Melalui kajian ini, guru akan lebih mengetahui kepentingan dorongan mereka terhadap anak murid mereka dalam meningkatkan motivasi dan penglibatan murid. Guru juga dapat sentiasa mengambil berat dan selalu mendorong murid mereka dalam pelajaran. Melalui kajian ini, guru juga mengetahui kepentingan mereka dalam merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menarik dalam usaha mendorong murid untuk belajar.

1.10.4 Pentadbir sekolah

Di samping itu, kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada pentadbir sekolah. Sebagai contoh, pentadbir sekolah boleh mengadakan program penyayang pada masa yang sama menggalakkan para guru mengamalkan budaya penyayang serta selalu mendorong murid dalam pelajaran mereka.

1.10.5 Organisasi kerajaan dan bukan kerajaan

Kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada organisasi kerajaan dan bukan kerajaan dalam mengadakan pelbagai aktiviti. Sebagai contoh, kementerian

pendidikan boleh merancang strategik yang lebih efektif dalam meningkatkan motivasi dan penglibatan murid di sekolah. Organisasi bukan kerajaan juga boleh mengadakan program atau kempen motivasi yang bersesuaian kepada murid.

1.11 Definisi istilah

Berikut merupakan definisi operasi dan definisi kontekstual istilah yang digunakan dalam kajian ini.

1.11.1 Dorongan Guru

Guru merupakan orang yang mengajar dan mendidik murid. Menurut Kiefer et al. (2015) dorongan guru merupakan bantuan yang diberikan oleh guru kepada murid dalam usaha menyemai sikap positif dan menggalakkan murid melibatkan diri secara aktif dalam sekolah.

Dalam konteks kajian ini, dorongan guru merujuk kepada pengajaran yang memberi sokongan termasuk sokongan autonomi (pilihan, rasa hormat, berkaitan dengan pembelajaran), struktur (memantau pembelajaran murid dan jangkaan) dan penglibatan (sokongan emosi). Pendekatan multidimensi ini dapat meningkatkan usaha guru untuk memahami cara dan sejauh mana guru meningkatkan motivasi, penglibatan dan kepunyaan murid di sekolah.

1.11.2 Dorongan rakan sebaya

Rakan sebaya dalam definisi operasi kajian merupakan murid yang sama umur dalam satu kelas. Rakan sebaya merupakan kawan daripada latar belakang yang lebih kurang sama dan mempunyai minat yang sama. Menurut Kiefer et al. (2015) dorongan rakan sebaya merupakan sokongan daripada rakan sebaya untuk memenuhi keperluan murid.

Rakan sebaya dalam konteks kajian ini merujuk kepada rakan murid yang berumur 10 hingga 12 tahun yang masih bersekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dalam Daerah Kluang. Menurut Nursuhaili (2020), rakan sebaya dapat mempengaruhi tingkah laku seseorang. Menurut Hamm dan Faircloth (2005), antara dorongan rakan sebaya seperti menjelaskan arahan daripada guru, memberi maklumat kepada rakan, membandingkan kerja sekolah untuk meningkatkan motivasi dan penglibatan sekolah. Sokongan emosi rakan sebaya termasuk memberikan sokongan emosi, ia dikaitkan dengan akademik positif dan hasil sosial (Patrick, Ryan, & Kaplan, 2007). Sokongan rakan sebaya membolehkan murid rasa dapat bergantung rakan yang lain di samping memupuk rasa kepunyaan di sekolah (Hamm & Faircloth, 2005).

1.11.3 Motivasi murid

Perkataan ‘motivasi’ berasal daripada perkataan latin iaitu ‘movere’ yang bermaksud ‘bergerak’. Motivasi merupakan dorongan bagi seseorang melakukan sesuatu perkara demi mencapai matlamat yang ditetapkan. Motivasi adalah proses di mana aktiviti yang bermatlamat dihasut dan dikekalkan (Schunk, Meece & Pintrich, 2014, p.5). Kamus Dewan (2010) pula mentakrifkan motivasi sebagai keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan.

Menurut Kamarudin (1993), motivasi penting kerana dapat membantu para murid melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran di samping membina suasana pembelajaran yang bermakna. Dalam konteks kajian ini, motivasi murid merujuk kepada tahap motivasi murid yang dinilai melalui persepsi murid sendiri. Dalam konteks kajian ini, motivasi merujuk kepada motivasi yang ada pada diri murid apabila murid mendapat dorongan guru dan rakan sebaya termasuk motivasi yang dikenalpasti dan motivasi intrinsik.

1.11.4 Penglibatan murid

Menurut Russell, Ainley, dan Frydenberg (2005), penglibatan merupakan satu tenaga dalam tindakan di mana menghubungkan seseorang dengan aktiviti. Persekitaran sekolah yang menyokong sangat penting dalam meningkatkan penglibatan murid di sekolah.

Dalam kajian ini, penglibatan murid akan diuji dengan menggunakan skala penglibatan untuk menguji persepsi murid terhadap motivasi, penglibatan dan rasa kepunyaan di sekolah melalui soal selidik.

1.12 Rumusan

Bab 1 dalam kajian ini menerangkan tentang transformasi pendidikan di Malaysia. Guru sebagai pendidik memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan motivasi murid supaya anak murid dapat terus belajar sehingga peringkat yang lebih tinggi. Maka, matlamat pendidikan sepanjang hayat akan mencapai. Namun begitu, dorongan guru dan rakan sebaya amat penting untuk meningkatkan motivasi murid kerana selain keluarga, guru dan rakan sebaya merupakan orang yang terdekat dengan murid serta membawa pengaruh yang besar dalam kehidupan seseorang murid. Selain itu, objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis disenaraikan sebagai hala tuju kajian ini. Kepentingan kajian juga dinyatakan untuk memberi manfaat kepada orang ramai terutamanya para pendidik.

Selain itu, bab ini juga memperkenalkan beberapa model teori seperti Teori Ekologi Bronfenbrenner (1971), Teori Keperluan Abraham Maslow (1970) dan juga Teori Penglibatan Astin (1984) sebagai kerangka teori bagi kajian ini. Manakala kerangka konsep menumpukan tentang hubungan dorongan guru dan rakan sebaya terhadap motivasi dan penglibatan murid sekolah rendah. Bahagian akhir bab ini menerangkan tentang skop dan definisi kajian.

RUJUKAN

- Abdul, M. A., Ismail, H., Mohamad, I., & Osman, Z. (2019) Perkembangan emosi kanak-kanak menggunakan kaedah pengajaran berasaskan aktiviti muzik. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 8, 17-23. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol8.3.2019>
- Ahmad, F, Aida, S. & Rosnain, M. (2018) Pengaruh guru, rakan sebaya dan sokongan keluarga terhadap keterlibatan Matematik dalam kalangan sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*. 8 (1) ISSN 2232-0393
- Alias (1992) Statistik untuk penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alkiş, N. (2015) The influence of personality traits, motivation and persuasion principles on academic performance (*Unpublished Doctoral Dissertation*). Middle East Technical University, Ankara.s and Distributor Sdn. Bhd.
- Aluçdibi, F., & Ekici, G. (2012) ‘The effect of biology teachers’ classroom management profiles on the biology course motivation level of the high school students.’ *Hacettepe University Journal of Education*, 43, 25–36.
- Astin, A. (1984) Student Involvement: A Development Theory for Higher Educations Graduate School of Educations. Los Angeles: University of California.
- Boulton, M. J., Don, J., & Boulton, L. (2011) ‘Predicting children’s liking of school from their peer relationships’ *Social Psychology of Education: An International Journal*, 14(4), 489–501.
- Bronfenbrenner, U. (1979) *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard University Press. Ontario.
- Bruner, J. (1966) *Toward A Theory of Instruction*. Newton, New York.
- Creswell, J. W. (2002) Educational research - planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research (2nd Ed). New Jersey: Pearson Merril Prentice Hall.
- Creswell, J. W. (2005) Educational research - planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research (3rd Ed.). New Jersey: Pearson Merril Prentice Hall.

- Creswell, J. W. (2010) Educational research - planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research (4th Ed.). New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall
- Emda, A. (2017) 'Kedudukan Motivasi Belajar Siswa Dalam Pembelajaran' *Lantanida Journal*, Vol. 5 No. 2 (2017) 93-196.
- Engels, M. C., Colpin, H., Van Leeuwen, K., Bijnbeker, P., Van Den Noortgate, W., Claes, S., Verschueren, K. (2016) 'Behavioral Engagement, Peer Status, and Teacher-Student Relationships in Adolescence: A Longitudinal Study on Reciprocal Influences', *J Youth Adolesc*, 45(6), 1192-1207. doi:10.1007/s10964-016-0414-5
- Enrolmen Keseluruhan Murid Tahun 2021 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. (2021, Januari 21) *Chinapress*, 2.
- Estelle, D., & Perdue, N. (2013). Social support and behavioral and affective school engagement: the effects of peers, parents, and teachers. *Psychology in the Schools*, Vol. 50(4), 325-339.
- Field, A. (2009) Discovering Statistics using SPSS (3rd ed.). Sage.
- Fredricks, J. A., Blumenfeld, P. B., Friedel, J., & Paris, A. (2002) *Increasing engagement in urban settings: an analysis of the influence of the social and academic context on student engagement*. New Orleans: Paper presented at the annual meeting of the American Educational Research Association.
- Gardner, R.C. (2005) Integrative Motivation and Second Language Acquisition. *Canadian Association of Applied Linguistics/Canadian Linguistics Association Joint Plenary Talk*. London, Canada: The University of Western Ontario.
- Ghaith, G. M. (2002) 'The relationship between cooperative learning, perception of social support, and academic achievement', *System*, 30(3), 263-273. doi:10.1016/s0346-251x(02)00014-3
- Goodenow, C., & Grady, K. E. (1993) 'The Relationship of School Belonging and Friends' Values to Academic Motivation Among Urban Adolescent Students', *The Journal of Experimental Education*, 62(1), 60-71. doi:10.1080/00220973.1993.9943831
- Goodenow, C. (1993b) 'The psychological sense of school membership among adolescents: Scale development and educational correlates', *Psychology in the Schools*, 30, 79-90.

- Gopalan, V., Bakar, J. A. A., Zulkifli, A. N., Alwi, A., & Mat, R. C. (2017) 'A review of the motivation theories in learning'. AIP Conference Proceedings 1891, 020043. <https://doi.org/10.1063/1.5005376>.
- Gray, P., & Feldman. J. (2004) Playing in the Zone of Proximal Development: Qualities of Self - Directed Age Mixing between Adolescents and Young Children at a Democratic School. *American Journal of Education*, Volume 110, Number 2. <https://doi.org/10.1086/380572>
- Guay, F., Ratelle, C. F., Roy, A., & Litalien, D. (2010) 'Academic self-concept, autonomous academic motivation, and academic achievement: Mediating and additive effects' *Learning and Individual Differences*, 20(6), 644–653.
- Hamm, J. V., & Faircloth, B. S. (2005) 'The role of friendship in adolescents' sense of school belonging' *New Directions for Child and Adolescent Development*, 107, 61–78. doi:10.1002/cd.121
- Hillesøy, S. (2016). The Contribution of Support Teachers in Facilitating Children's Peer Interactions. *International Journal of Early Childhood*, 48(1), 95-109. doi:10.1007/s13158-016-0157-1
- Hughes, J. N, Cavell, T. A, & Willson, V. (2001) Further support for the developmental significance of the quality of the teacher–student relationship. *Journal of School Psychology*. 39, 289–301.
- Ibrahim, A., & El Zaatri, W. (2019) The teacher–student relationship and adolescents' sense of school belonging. *International Journal of Adolescence and Youth*, 25(1), 382-395.doi:10.1080/02673843.2019.1660998
- Iberahim, A. R., Mahamod, Z., & Mohammad. (2017) 'Pembelajaran Abad Ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah (21th Century Learning and the Influence of Attitude, Motivation and Achievements Malay Language Secondary School Student)', *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 77-88.
- Jang, H., Kim, E.J., & Reeve, J. (2016) 'Why students become more engaged or disengaged during the semester: A self-determination theory dual-process model', *Learning and Instruction*, 43, 27-38.
- Johnson, D. W. (1981) 'Student-Student Interaction: The Neglected Variable in Education', *Educational Researcher* 10: 5–10. doi:10.3102/0013189X010001005.

- Juvonen, J., Espinoza, G., & Knifsend, C. (2012). The role of peer relationships in student academic and extracurricular engagement. In S. L. Christenson, A. L. Reschly & C. Wylie (Eds.), *Handbook of research on student engagement* (pp. 387–401). New York, NY, US. https://doi.org/10.1007/978-1-4614-2018-7_18.
- Kamarudin H. (1993) *Pedagogi 3 -Penggunaan psikologi dalam bilik darjah*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016) Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK). Putrajaya.
- Khalilzadeh, S., & Khodi, A. (2018) ‘Teachers’ personality traits and students’ motivation: A structural equation modeling analysis’, *Current Psychology*. doi:10.1007/s12144-018-0064-8
- Kiefer, S. M., Alley, K. M., & Ellerbrock, C. R. (2015) ‘Teacher and Peer Support for Young Adolescents’ Motivation, Engagement, and School Belonging’ *RMLE Online*, 38(8), 1-18. doi:10.1080/19404476.2015.11641184
- Küçüközkan, Y. (2015) ‘Liderlik ve motivasyon teorileri: Kuramsal bir çerçeve’, *Uluslararası Akademik Yönetim Bilimleri Dergisi*, 1(2), 86–115.
- Legault, L. (2016) ‘Intrinsic and Extrinsic Motivation’, *In Encyclopedia of Personality and Individual Differences* (pp. 1-4).
- Marjolein Zee & Helma Koomen (2020) Engaging Children in the Upper Elementary Grades: Unique Contributions of Teacher Self-Efficacy, Autonomy Support, and Student-Teacher Relationships, *Journal of Research in Childhood Education*, 34:4, 477-495, DOI: 10.1080/02568543.2019.1701589
- Maslow, A. H. (1970). *Motivation and Personality* (2nd ed.). New York: Harper & Row.
- Maulana, R., Helms-Lorenz, M., Irnidayanti, Y., & van de Grift, W. (2016) ‘Autonomous Motivation in the Indonesian Classroom: Relationship with Teacher Support Through the Lens of Self-Determination Theory’, *The Asia-Pacific Education Researcher*, 25(3), 441-451. doi:10.1007/s40299-016-0282-5
- McCormick, M., O'Connor, E. E., Cappella, E., & McClowry, S. (2013). Teacher-child relationships and academic achievement: a multi-level propensity score model approach. *Journal of School Psychology*, 51, 611–624.

- <https://doi.org/10.1016/j.jsp.2013.05.001>
- Moen, Amanda L.; Sheridan, Susan M.; Schumacher, Rachel E.; Cheng, Katherine C.. (2019) *Early Childhood Education Journal*, v47 n3 p331-341
<http://dx.doi.org/10.1007/s10643-019-00931-x>
- Mohd Fazli Hasan (2013). ‘Hubungan Persekutaran Sekolah dengan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Menengah’, *Jurnal Pendidikan Malaysia* 38(2), 1-9.
- Mok Soon Sang. (2008) *Psikologi Pendidikan dan Pedadogi : Murid dan Alam Belajar*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Mokhtar Ismail. (2011) Kaedah penyelidikan kuantitatif dalam pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nachiappan, S., Sinnasamy, B., & Suffian, S. (2017). Masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah. *Journal of Research, Policy & Practice of Teacher & Teacher Education, Vol 7, No 2*, 58-68
- Norazlin, M. & Siti (2019) *Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21*. Proceeding of the International Conference On Islamic Civilization and Technology Management.
- Nursuhaili (2010) ‘Hubungan Antara Kemahiran Sosial dengan Tingkah Laku Sosial dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah di Tabika Kemas, Beaufort’, *Tesis Sarjana*. Universiti Malaysia Sabah.
- Orhan Özen, S. (2017) ‘The Effect of Motivation on Student Achievement’, In The Factors Effecting Student Achievement (pp. 35-56).
- Owens, D. C., Sadler, T. D., Barlow, A. T., & Smith-Walters, C. (2017) ‘Student Motivation from and Resistance to Active Learning Rooted in Essential Science Practices’, *Research in Science Education*, 50(1), 253-277.
doi:10.1007/s11165-017-9688-1
- Patrick, H., Ryan, A. M., & Kaplan, A. (2007) ‘Early adolescents’ perceptions of the classroom social environment, motivational beliefs, and engagement’ *Journal of Educational Psychology*, 99(1), 83–98. doi: 10.1037/0022-0663.99.1.83
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. (2019, December 10).
<http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPPM/Preliminary-Blueprint BM.pdf>
- Pianta, R. C., & Stuhlman, M. W. (2004). Conceptualizing risk in relational terms: Associations among the quality of child-adult relationships prior to school entry and children’s developmental outcomes in first grade. *Educational and*

- Child Psychology Special Issue: At-Risk Children From Birth to Elementary School Age: *Research Findings and Reflections on Intervention from an International Perspective*. 21(1), 32–45.
- Poldin, O., Valeeva, D. & Yudkevich, M. (2015) ‘Choice of specialization: do peers matter?’ *Applied Economics, Taylor & Francis Journals*, vol. 47(44), pages 4728-4740, September.
- Quek Miow Leng. (2006) ‘Hubungan antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru dan Pengaruh rakan sebata dengan pencapaian Matematik dalam kalangan pelajar tingkatan empat di Daerah Batu Pahat, Johor’, *Tesis Phd. Universiti Teknologi Malaysia, Johor*.
- Raufelder, D., Scherber, S., & Wood, M. A. (2016) The interplay between Adolescents’ Perceptions of teacher-student relationships and their academic self-regulation: Does liking a specific teacher matter? *Psychology in the Schools*, 53(7), 736–750.
- Rubin, K. H., W. Bukowski, & J. G. Parker. (1998) ‘Peer Interactions, Relationships, and Groups’, In *Handbook of Child Psychology: Social, Emotional, and Personality Development*, edited by W. Damon and N. Eisenberg, 619–700. 5th ed. New York: Wiley.
- Russell, V.J., Ainley, M. & Frydenberg, E. (2005) ‘Schooling Issues Digest: Student Motivation and Engagement’.
- Ryan, R. M., & Connell, J. P. (1989) ‘Perceived locus of causality and internalization: Examining reasons for acting in two domains. *Journal of Personality and Social Psychology*, 57, 749– 761.
- Schunk, D. H., Meece, J. L., & Pintrich, P. R. (2014) *Motivation in education: Theory, research, and applications* (4th ed.). Boston, MA: Pearson.
- Seiler, S., Lent, B., Pinkowska, M., & Pinazza, M. (2012) ‘An integrated model of factors influencing project managers’ motivation—Findings from a Swiss survey’, *International Journal of Project Management*, 30(1), 60–72.
- Sette, S., Gasser, L., & Grutter, J. (2020) ‘Links Between Teachers’ Liking of Students, Peer Inclusion, and Students’ Academic Achievement: A Two-Wave Longitudinal Study’, *J Youth Adolesc*, 49(3), 747-756. doi:10.1007/s10964-019-01048-5

- Sharon Zumbrunm, C. M., Eric Buhs, Leslie R. Hawley. (2014) ‘Support, belonging, motivation, and engagement in the college classroom: a mixed method study’, *Instr Sci*, doi: 10.1007/s11251-01409310-0
- Skinner, E.A. & Belmont, M.J. (1993) ‘Motivation in the classroom: Reciprocal effects of teacher behavior and student engagement across the school year’, *Journal of Educational Psychology*, 85 (4), 571-581.
- Skinner, E. A., Kindermann, T. A., & Furrer, C. J. (2008) ‘A motivational perspective on engagement and disaffection: Conceptualization and assessment of children’s behavioral and emotional participation in academic activities in the classroom’ *Educational and Psychological Measurement*.
- Skinner, E. A., Wellborn, J. G., & Connell, J. P. (1990) ‘What it takes to do well in school and whether I’ve got it: A process model of perceived control and children’s engagement and achievement in school’ *Journal of Educational Psychology*, 82, 22–32.
- Slee, P. T., & G. Skrzypiec. (2016) Well-Being, Positive Peer Relations, and Bullying in School Settings Cham, Switzerland: Springer.
- Soltani, A. (2018) ‘Influence of Motivating Science Class, Family, and Peer Models on Students’ Approaches to Learning Science: A Structural Equation Modeling Analysis’, *Research in Science Education*, 50(5), 1665-1687. doi:10.1007/s11165-018-9748-1
- Stefa, E. (2018). Supportive Relationship between Teachers and Students and Among Peers., *Volume 3, Issue 2*.
- Steinberg, L. D., Brown, B. B., & Dornbush, S. M. (1996). Beyond the classroom: Why school reform has failed and what parents need to do. New York: Simon and Schuster.
- Tas, Y. (2016). The contribution of perceived classroom learning environment and motivation to student engagement in science. *European Journal of Psychology of Education*, 31(4), 557-577. doi:10.1007/s10212-016-0303-z
- Tohidi, H., & Jabbari, M. M. (2012) ‘The effects of motivation in education’, *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 31, 820-824.
- Veiga, F., Wentzel, K., Melo, M., Pereira, T., Faria, L., & Galvao, D. (2014). Students’ engagement in school and peer relations: A literature review. *International Perspectives of Psychology and Education*, 196-211.

- Wanders, F. H. K., van der Veen, I., Dijkstra, A. B., & Maslowski, R. (2019) ‘The influence of teacher-student and student-student relationships on societal involvement in Dutch primary and secondary schools’, *Theory & Research in Social Education*, 48(1), 101-119. doi:10.1080/00933104.2019.1651682
- Wardatul, A. b. M, Siti Shariah Shaari, M. Nasrul & Hakim B Jalaludin (2016) ‘Hubungan antara kesedaran kendiri dengan Teori Kognitif Sosial, Teori Goleman dan Teori Astin’ , *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, Vol. 2: no. 2 (2016), 62-68.
- Waterman, A. S. (2005). ‘When effort is enjoyed: Two studies of intrinsic motivation for personally salient activities’ , *Motivation and Emotion*, 29(3), 165–188.
- Yunos, M. (2015) ‘Hubungan Sikap dan Persepsi Murid Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu dengan Kemahiran Abad Ke-21’ *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol.5, Bil.2 (Nov.2015):22-30. ISSN:2180-4842.
- Yunus, M. M., Osman, W. S. W., & Ishak, N. M. (2011) ‘Teacher-student relationship factor affecting motivation and academic achievement in ESL classroom’, *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 15, 2637-2641. doi:10.1016/j.sbspro.2011.04.161
- Zakaria, A. I. a. N. (2019). Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. *International Journal of Malay World and Civilisation* 7(3), 2019; 23-30. doi:10.17576/jatma-2019-0703-03
- Zamri Mahamod. (2012). *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.